

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,  
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,  
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB CHE PUAN SRI KELANA D'RAJA DATIN (DR.)**  
**TARIKH : HAJJAH NIK AZIZAH BINTI HAJI NIK YAHYA**  
**: 19 MEI 2005 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai sesetengah Kerajaan negeri yang mewajibkan agar mempelai lelaki dan perempuan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum majlis perkahwinan dan berapakah peratusan perempuan yang menghidap HIV di atas kesalahan pengantin lelaki dan sejauh manakah kejayaan kursus tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan sama ada pemeriksaan kesihatan (HIV) bagi bakal pengantin (beragama Islam) diwajibkan atau tidak adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing berdasarkan keputusan fatwa yang diluluskan. Walau apa pun, Kementerian Kesihatan Malaysia tetap membantu menyediakan garis panduan yang jelas serta bantuan teknikal bagi menjalankan ujian HIV tersebut. Pemeriksaan kesihatan sebelum sesuatu perkahwinan di beberapa negeri boleh dijalankan sama ada di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan ataupun swasta. Perkara penting yang dititik beratkan adalah bakal pengantin akan dibantu dengan kaunseling dan penerangan yang jelas mengenai isu HIV dengan perkahwinan yang mana kaunseling dijalankan kepada pasangan sebelum dan selepas ujian dijalankan. Setiap keputusan yang diperolehi disimpan secara sulit (confidential) untuk mengelakkan stigma dan diskriminasi dari masyarakat sekeliling. Jika salah seorang daripada pasangan dikesan positif, pasangan tersebut diberi kaunseling serta khidmat nasihat mengenai HIV/AIDS dan keputusan terletak kepada mereka sama ada untuk meneruskan perkahwinan ataupun tidak. Bagi mereka yang telah dikesan dijangkiti HIV/AIDS, tindakan susulan seterusnya dijalankan bagi memastikan kesihatan mereka berada pada tahap yang terbaik. Sekiranya wanita yang dijangkiti HIV itu mengandung, maka rawatan khas akan diberikan bagi memastikan anak yang dikandung tidak dijangkiti HIV. Tindakan susulan juga akan dibuat kepada ibu dan anak tersebut juga bagi memastikan keadaan kesihatan mereka berada di dalam keadaan yang baik. Kementerian setakat ini tidak mempunyai maklumat khusus serta data mengenai peratusan perempuan yang menghidapi HIV di atas kesalahan pengantin lelaki melalui program ujian HIV bagi bakal pengantin ini. Walau bagaimanapun, maklumat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan melalui program pencegahan jangkitan HIV dari ibu ke anak yang dijalankan pada tahun 2002 mendapati seramai 12% suami kepada ibu yang disahkan HIV positif telah mengetahui mereka mengidap HIV semasa mereka berkahwin sementara seramai 27% suami pula tidak mengetahuinya sehinggalah pemeriksaan kesihatan dibuat ke atas mereka setelah isteri atau

## **NO SOALAN: 48**

anak mereka disahkan dijangkiti HIV. Tuan Yang Di Pertua, Peningkatan kadar jangkitan HIV/AIDS di kalangan wanita adalah membimbangkan. Terdapat peningkatan yang amat tinggi iaitu sebanyak 500% dari tahun 1999 ke 2003. Pada tahun 1996, bagi setiap 90 lelaki, seorang wanita dijangkiti HIV/AIDS manakala pada tahun 2003, bagi setiap 7 lelaki, seorang wanita dijangkiti HIV/AIDS. Secara amnya, 19 rakyat Malaysia dijangkiti HIV/AIDS setiap hari. Kajian yang dijalankan mendapati wanita lebih terdedah kepada jangkitan HIV/AIDS disebabkan faktor fizikal, sosial dan ekonomi. Oleh itu, bagi mengelakkan wanita yang tidak bersalah mendapat jangkitan HIV/AIDS, adalah wajar ujian ini dilakukan kepada pasangan yang akan berkahwin supaya wanita tidak dipersalahkan sekiranya berlaku masalah di kemudian hari. Pasangan juga akan lebih bersedia dan dapat merancang tindakan yang perlu diambil kelak. Kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) telah menubuhkan ACCRH (Advisory Coordinating Committee on Reproductive Health) yang membincangkan isu-isu kesihatan reproduktif termasuk isu-isu berkaitan HIV/AIDS. Selain itu melalui kursus Pra-Perkahwinan yang dilaksanakan, terdapat slot mengenai Kesihatan Keluarga yang turut menyentuh penyakit kelamin dan HIV/AIDS. Ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada para peserta mengenai bahaya dan pencegahan penyakit yang boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Puan Kamarul Faridah Kamarul Zaman 2) Jawatan : Pegawai Sains 3) Bahagian : Bahagian Reproduksi Manusia 4) No. Tel : 03-2693 7555 Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Cik Khoo Swee Kheng 2) Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jawapan Diluluskan oleh Kementerian Kesihatan:- 1) Nama : Dr. Hj. Ramlee Hj. Rahmat 2) Jawatan : Pengarah Kawalan Penyakit 3) No. Tel : 03-8883 4419 Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Encik Abas bin Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha I